

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10332

SOALAN :

Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa lama masa yang diambil oleh Pendaftar Pertubuhan untuk menimbang dan meluluskan permohonan pendaftaran Parti Pakatan Harapan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan setiap permohonan pendaftaran pertubuhan yang diterima dapat diteliti dengan terperinci terutamanya daripada aspek keselamatan dan kepentingan awam, tiada tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) untuk memproses permohonan tersebut.